

# GARISPANDUAN PELAKSANAAN POLISI LAWATAN UNTUK PENJAGA DAN PELAWAT DI HOSPITAL KUALA LUMPUR (HKL) SEMASA *COVID-19* JILID KETIGA

---

## TUJUAN

Selaras dengan pengumuman YB Menteri Kesihatan mengenai polisi lawatan dan penjaga di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang bertarikh 26 November 2021, menyatakan penjaga ataupun pelawat dibenarkan untuk melawat atau menjaga pesakit tertakluk kepada polisi yang telah ditetapkan oleh KKM.

Walaupun dalam keadaan tertentu di mana risiko penularan *COVID-19* adalah tinggi, pihak hospital boleh melakukan beberapa pengubahsuaian kepada polisi yang sedia ada bagi menjamin kesihatan dan keselamatan semua pihak.

## TAKRIFAN

1. Bagi maksud:

- Penjaga

Penjaga adalah orang yang mengawas (mengawal, memberi pelindung dan lain-lain). Walaupun dalam konteks penjagaan pesakit, penjaga adalah waris ataupun *caregivers* sedia ada yang menjaga semasa pesakit di rumah.

- Pelawat

Pelawat adalah dikalangan keluarga, sahabat yang akan datang untuk melihat/melawat pesakit semasa di dalam wad.



2. Kriteria untuk pelawat yang dibenarkan untuk melawat atau menjaga pesakit semasa sedang dirawat di dalam wad adalah seperti dibawah:
  - Berumur 12 tahun dan ke atas
  - Tidak berada dalam *Home Surveillance Order*
  - Tidak tergolong dalam kumpulan yang berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan *COVID-19* (contoh: warga tua mempunyai pelbagai komorbiditi atau sistem imuniti yang lemah)
  - Tidak mempunyai gejala *COVID-19*
  - Digalakkan menjalani ujian saringan *COVID-19* iaitu *RTK-Saliva* (dalam masa 36 jam sebelum masuk ke hospital) dan disahkan negatif.
  
3. Kriteria untuk penjaga pesakit semasa sedang dirawat di dalam wad adalah sama seperti kriteria pelawat, dengan tambahan seperti dibawah:
  - Bagi penjaga, mereka perlu menjalani ujian saringan *COVID-19* iaitu *COVID-19 RTK-Antigen/Saliva* (dalam masa 36 jam sebelum masuk ke hospital) dan disahkan negatif.
  - Bagi suami untuk menemani ibu mengandung semasa proses bersalin hendaklah menjalani ujian saringan *COVID-19 RTK-Antigen/Saliva* (dalam masa 36 jam sebelum masuk ke hospital).
  - Telah lengkap status vaksin *COVID-19*
  
4. Kategori pesakit yang boleh ditemani oleh penjaga adalah ditentukan oleh pakar yang menjaga wad-wad tersebut dan sebagai contoh adalah seperti berikut:
  - Pesakit yang menghidap penyakit kritikal
  - Pesakit yang memerlukan penjagaan paliatif
  - Pesakit yang tenat
  - Pesakit kurang upaya
  - Pesakit warga emas
  - Pesakit yang memerlukan bantuan komunikasi
  - Pesakit kanak-kanak
  - Ibu dalam proses bersalin



## LATAR BELAKANG

5. Semenjak Januari 2020, penularan wabak *COVID-19* yang diisytiharkan oleh *WHO* sebagai pandemik telah menimbulkan kebimbangan dikalangan rakyat dan anggota kesihatan di Malaysia dan susulan ini hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengetatkan polisi untuk lawatan ataupun pelawat untuk pesakit dalam dan di klinik pakar untuk mengekang penularan jangkitan *COVID-19*.
6. Kes-kes *COVID-19* telah menunjukkan peningkatan yang ketara sehingga mencecah ribuan kes sehari semasa bulan Oktober 2020, maka kebanyakan hospital telah memulakan aktiviti penyumberluaran kes-kes *non COVID-19* ke fasiliti-fasiliti swasta. Pada masa ini, Hospital Kuala Lumpur tidak membenarkan keluarga untuk datang melawat atau untuk menjaga pesakit di dalam wad, kecuali keluarga ini dipanggil oleh pakar untuk membincang mengenai rawatan pesakit.
7. Memandangkan, Hospital Kuala Lumpur adalah Hospital *premier* dan pada bulan Oktober 2021 telahpun memulakan semula semua perkhidmatan rawatan kepada pesakit-pesakit sama ada rawatan sebagai pesakit dalam ataupun pesakit di klinik pakar ataupun *daycare*, maka didapati ramai yang datang untuk melawat atau sebagai penjaga di dalam wad dan peneman di klinik pakar.
8. Namun begitu, keselamatan kakitangan dan pesakit juga amatlah penting bagi mengelakkan risiko jangkitan *COVID-19*. Justeru kebenaran untuk melawat atau menemani pesakit perlulah dijalankan selari dengan langkah-langkah waspada yang memadai.

## ISU DAN CABARAN

9. Menjalani ujian saringan sebelum melawat atau untuk menjaga pesakit di wad. Oleh yang demikian hanya peneman sahaja wajib membuat ujian RTK-Antigen/Saliva sebelum meneman dan sebelum tamat tempoh penjagaan.



10. Pesakit-pesakit yang tidak berkelayakan untuk dijaga oleh penjaga, dan keluarga masih mahu untuk menjaga.
11. Kelulusan untuk penjaga adalah untuk 3 hari dan mereka akan kekal tinggal di wad selama 3 hari dan ini boleh menyebabkan berbagai isu yang akan dibangkitkan seperti untuk membeli makanan setiap hari, menukar pakaian dan lain-lain.
12. Kebenaran untuk menjaga pesakit di wad hanya kepada yang layak dan ini akan menimbulkan aduan di mana kemungkinan banyak keluarga yang hendak menjaga pesakit dan pesakit tersebut tidak memerlukan penjaga.
13. Kemungkinan terdapat juga penjaga yang akan memohon untuk keluar untuk urusan peribadi.

## **OBJEKTIF**

14. Garispanduan ini adalah untuk menjelaskan pelaksanaan polisi lawatan untuk penjaga dan pelawat kepada pesakit dalam dan juga di klinik pakar Hospital Kuala Lumpur.
15. Untuk mengurangkan risiko penularan *COVID-19* di hospital serta memutuskan rantaian jangkitan wabak berlaku berterusan.
16. Untuk melindungi pesakit, pelawat, penjaga dan petugas kesihatan daripada jangkitan *COVID-19* serta memastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan dapat dilaksanakan berterusan dan selamat.
17. Keperluan peneman/penjaga/pelawat adalah untuk sokongan moral kepada pesakit bagi membantu pesakit semasa perawatan dijalankan.
18. Kebenaran memberi peneman/pelawat/penjaga adalah satu inisiatif bagi membantu dan mengharmonikan perasaan pesakit yang mana pesakit akan merasa mereka adalah bermakna kepada keluarga.
19. Keperluan penjaga diperlukan untuk membantu pesakit mencapai tahap rehabilitasi dan berdikari yang lebih optima.



## PELAKSANAAN

20. Ketetapan asal sebelum penularan pandemik *COVID-19*, Hospital Kuala Lumpur membenarkan pelawat/ penjaga untuk masuk ke wad-wad bagi tujuan tersebut. Walaubagaimanapun semasa pandemik, perkara tersebut telah tidak dibenarkan.
21. Untuk membenarkan pelawat/ penjaga, masuk ke wad-wad, maka ianya akan diputuskan oleh pakar yang menjaga wad-wad tersebut untuk memberi keputusan. Keluarga juga boleh memohon kepada wad-wad di mana pesakit berada. Sila rujuk lampiran carta alir 1a dan 2b. Jika pesakit mempunyai penjaga maka pelawat lain tidak dibenarkan melawat.
22. Bagi pesakit yang menerima rawatan sebagai pesakit luar atau di Jabatan Kecemasan dan Trauma hanya seorang peneman/penjaga dibenarkan. Di Jabatan Kecemasan dan Trauma peneman/penjaga dibenarkan berada di ruang menunggu. Sekiranya keperluan peneman/penjaga memasuki ruang rawatan pesakit adalah dengan kebenaran pegawai perubatan yang merawat kes tersebut.
23. Garispanduan ini adalah berkaitan dengan polisi yang telah dikeluarkan oleh pejabat YB Menteri Kesihatan. Sebarang isu berbangkit yang timbul akan dipertimbangkan oleh pengurusan tertinggi Hospital Kuala Lumpur berdasarkan kes (*case by case basis*).
24. Waktu melawat yang dibenarkan adalah pada pukul 4.30 petang hingga 6.30 petang setiap hari. Manakala waktu tambahan pada hujung minggu pada pukul 12.30 tengahari hingga 2.00 petang.
25. Borang Deklarasi Saringan Penyakit *COVID-19* Untuk Pesakit & Pelawat Hospital Kuala Lumpur boleh didapati di Kaunter Polis Bantuan/Pengawal Keselamatan atau di portal laman sesawang HKL.



26. Wad-wad *COVID-19* tidak boleh menerima pelawat atau penjaga bagi melindungi pelawat, penjaga dan petugas kesihatan daripada jangkitan *COVID-19* serta memastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan dapat dilaksanakan secara berkesan dan selamat.

27. Wad-wad *COVID-19* yang tidak boleh menerima pelawat atau penjaga adalah:

- Blok Utama: Wad 28

(Wad-wad *COVID-19* ini akan berubah dari masa ke semasa mengikut situasi pandemik *COVID-19*)

## **PERANAN & TANGGUNGJAWAB PIHAK YANG BERKAITAN**

28. Pakar yang menjaga wad

- Membuat keputusan dan mengenal pasti berkenaan keperluan penjaga untuk seseorang pesakit dan memaklumkan kepada pasukan perawatan (pegawai perubatan, ketua jururawat & jururawat terlatih).
- Jika penjaga tidak mematuhi *SOP/bergejala COVID-19/tidak lengkap vaksin*, pakar yang menjaga wad boleh mengarahkan untuk meninggalkan wad.

29. Pegawai Perubatan

- Memastikan Pas Penjaga dan Borang Deklarasi Saringan *COVID-19* diisi dengan lengkap oleh penjaga dan ditandatangani wad berkenaan.

30. Ketua Jururawat

- Membantu pegawai perubatan dan pakar memastikan Pas Penjaga dan Borang Deklarasi Saringan Penyakit *COVID-19* Untuk Pesakit & Pelawat Hospital Kuala Lumpur diisi dengan lengkap oleh penjaga dan ditandatangani wad berkenaan.



### 31. Jururawat Terlatih

- Mengenalpasti pesakit yang memerlukan penjagaan ataupun menerima permohonan penjaga daripada waris.
- Memaklumkan keperluan penjaga ataupun permohonan waris kepada pakar yang menjaga wad
- Mendapat kelulusan dari pakar wad
- Memaklumkan keputusan pakar dan keperluan *RTK-Ag* kepada waris/penjaga.
- Sekiranya lulus permohonan & keputusan negatif; isi borang dan tandatangan
- Menyimpan Borang Deklarasi Saringan *COVID-19* yang diisi oleh penjaga di dalam Rekod Perubatan Pesakit (RPP) untuk tujuan *contact tracing* sekiranya perlu
- Memastikan penjaga/pelawat mematuhi tempoh yang ditetapkan (minima 3 hari untuk penjaga dan 30 minit untuk pelawat).


### 32. Polis Bantuan/Pengawal Keselamatan

- Melakukan pemeriksaan MySejahtera
- Semakan status kesihatan dan Home Surveillance Order untuk pelawat, dan tambahan semakan status lengkap vaksin *COVID-19* untuk penjaga.
- Memastikan penjaga mengisi Borang Deklarasi Saringan Penyakit *COVID-19* Untuk Pesakit & Pelawat Hospital Kuala Lumpur yang disediakan
- Menyemak dan memastikan Borang Deklarasi Saringan Penyakit *COVID-19* Untuk Pesakit & Pelawat Hospital Kuala Lumpur lengkap diisi oleh penjaga

**33.** Sebarang pertanyaan berkenaan garis panduan ini, boleh menghubungi **Unit Komunikasi Korporat di talian 03-26156391**



**CARTA ALIR PENGURUSAN PERMOHONAN PENJAGA PESAKIT DI WAD-WAD**







**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENJAGA PESAKIT DI WAD**

BIL.	TINDAKAN	TANDA (√)	CATATAN
1.	Mengenalpasti pesakit yang memerlukan penjagaan ataupun menerima permohonan penjaga daripada waris		
2.	Memaklumkan keperluan penjaga ataupun permohonan waris kepada pakar yang menjaga wad		
3.	Mendapat kelulusan dari pakar wad		
4.	Memaklumkan keputusan pakar dan keperluan <i>RTK-Ag/Saliva</i> kepada waris/penjaga		
5.	Lengkap status vaksin <i>COVID-19</i>		
6.	Keputusan ujian <i>RTK-Ag/Saliva</i> (keputusan sah dalam tempoh 36 jam) dimaklumkan kepada wad: Positif: Negatif:	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	
7.	Lulus permohonan, isi borang dan tandatangan.  1. Borang Deklarasi Saringan Penyakit <i>COVID-19</i> Untuk Pesakit & Pelawat Hospital Kuala Lumpur		
8.	Memastikan penjaga menjaga pesakit selama 3 hari*		

\*penjaga dibenarkan menjaga pesakit untuk tempoh **minima** 3 hari

\*penjaga **tidak dibenarkan keluar** daripada bangunan selama tempoh menjaga pesakit bagi mengawal penularan wabak *COVID-19*




**CARTA ALIR PENGURUSAN KAD NOMBOR PELAWAT**

**TANGGUNGJAWA  
B**

**PERKARA**

**TEMPOH**





Lampiran 2b

**SENARAI SEMAK PENGURUSAN KAD NOMBOR BAGI PELAWAT**



BIL.	TINDAKAN	TANDA (√)	CATATAN
1.	Melakukan pemeriksaan MySejahtera - semakan status kesihatan dan <i>HOME SURVEILLANCE ORDER</i>		
2.	Kad nombor pelawat diberi kepada waris/pelawat.		
3.	Memastikan pelawat memulangkan pas nombor pelawat, dan menyerahkan semula pengenalan diri kepada pelawat.		



**Contoh PAS PENJAGA:**

Nama Pesakit:		
No Kad Pengenalan:		
R/N Pesakit:	Wad:	Katil:
Dengan ini disahkan bahawa pemegang pas ini telah dibenarkan menunggu pesakit ini di		
Wad: ..... dari tarikh: ..... hingga .....		
Nama Penjaga:		
No. Kad Pengenalan:		
<b>*Sila kembalikan pas ini apabila tempoh menjaga telah selesai/semasa discaj</b>		
<b>*Pas Penjaga ini hanya sah selama 3 hari sahaja</b>		
<b>PENGARAH HOSPITAL KUALA LUMPUR</b>	<b>TANDATANGAN &amp; COP RASMI</b>	

**Contoh KAD NOMBOR PELAWAT:**





Lampiran 4



Untuk Kegunaan Pejabat

Tempat Saringan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

**BORANG DEKLARASI SARINGAN PENYAKIT COVID-19 UNTUK PESAKIT & PELAWAT HOSPITAL KUALA LUMPUR**

*KEJUJURAN ANDA BOLEH MENYELAMATKAN RAMAI NYAWA TERMASUK ANGGOTA KESIHATAN. BANTULAH KAMI UNTUK MEMBANTU ANDA*

<b>Maklumat peribadi:</b>					
Nama: _____					
No kad pengenalan: _____					
Alamat tempat tinggal: _____					
No telefon: (HP) _____ (Rumah) _____					
<b>A) Maklumat Saringan: Tandakan (✓) pada ruangan yang berkaitan</b>					
		<b>YA</b>		<b>TIDAK</b>	
1	Adakah anda baru balik dari melawat luar negara dalam masa 14 hari? Jika YA, sila nyatakan negara yang dilawati: _____ Jika YA, adakah anda telah selesai melalui tempoh kuarantin? <input type="checkbox"/> YA <input type="checkbox"/> TIDAK				
2	Adakah anda pernah menyertai mana-mana perhimpunan, majlis ataupun acara sosial yang berkaitan dengan kluster COVID-19 atau kawasan Zon Merah? (cthnya: majlis perkahwinan, mesyuarat atau yang seumpamanya)				
3	Adakah anda ada KONTAK RAPAT dengan individu yang DISAHKAN positif COVID-19 dalam masa 14 hari?				
	a) Ahli keluarga serumah atau ahli kumpulan yang bersama-sama menyertai majlis/perhimpunan/mesyuarat disahkan positif COVID-19?				
	b) Berada bersama di dalam bilik yang TERTUTUP yang menggunakan penghawa dingin lebih dari 2 jam				
	c) Bekerja/ bersemuka dalam RUANG TERTUTUP yang sama, dalam jarak lebih kurang 1 METER melebihi tempoh 15MIN				
d) Mengembara bersama atau menaiki kenderaan yang sama (melebihi 2 jam) dengan individu yang disahkan positif COVID-19					
4	Adakah anda sedang dalam tempoh kuarantin / surveilan rumah?				
<b>Tandakan (✓) pada ruangan yang berkaitan</b>					
<b>Gejala</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>	<b>Gejala</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>
Demam			Selsema		
Sakit Tekak			Sakit otot		
Batuk			Cirit-birit		
Sesak Nafas			Loya/Muntah		
Hilang deria bau			Hilang deria rasa		
<b>SUHU BADAN:</b>					
Tandatangan,			Tandatangan Anggota Bertugas,		
_____			_____		
Nama:			Nama:		



GARISPANDUAN PELAKSANAAN POLISI LAWATAN UNTUK PENJAGA & PELAWAT, HOSPITAL KUALA LUMPUR (HKL) SEMASA COVID 19